

Kesusasteraan bandingan, cermin intelektual dunia

Karya memaparkan pertukaran budaya dan geopolitik pada peringkat global

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perkembangan kesusasteraan dunia tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh sejarah, budaya dan perubahan geopolitik yang berlaku sejak zaman kolonial hingga era globalisasi masa kini.

Dalam konteks ini, wacana kesusasteraan bandingan muncul sebagai satu bidang penting yang meneliti hubungan antara karya sastra pelbagai bangsa, wilayah dan tradisi intelektual.

Sarjana Sastera, Dr Hashim Ismail, perkara pertama yang dapat dilihat dalam perkembangan peradaban di seluruh dunia ialah kemunculan pelbagai istilah yang dikenali sehingga ke hari ini.

Katanya, istilah-istilah berkenaan sebenarnya berfungsi untuk meletakkan sesuatu konsep dalam perspektif tertentu seperti Barat, Timur, Utara dan Selatan dalam konteks kesusasteraan bandingan.

"Pada masa kini, kita sering mendengar mengenai istilah Global Utara dan Global Selatan yang menjadi sebahagian daripada usaha intelektual untuk memahami serta menangani pelbagai bentuk pemikiran yang muncul seiring dengan percambahan ilmu di seluruh dunia mengikut peredaran zaman.

"Sastra memainkan peranan yang penting dalam hal ini kerana melalui wacana kesusasteraan, isu-isu mengenai pembahagian, pemikiran dan perspektif global ini turut dibincangkan secara mendalam.

"Malah, pelbagai disiplin ilmu lain turut membicarakan perkara ini sebagai sebahagian daripada perbincangan tentang hubungan antara budaya, kuasa dan pengetahuan dalam konteks global," katanya dalam Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA XXVI, 2025, bertajuk 'Jati Diri Global Selatan dan Sastera Serantau' anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), baru-baru ini.

Merentas disiplin

Tambahnya, kajian kesusasteraan bandingan bukan sahaja bersifat merentas disiplin, tetapi turut menekankan aspek pergerakan karya sastra merentas sempadan geografi dan budaya.

"Konsep ini turut dikaitkan dengan kemunculan bidang geosastera sebagai titik fokus dalam memahami dinamika pertukaran idea dan nilai dalam karya sastra antarabangsa.

"Sepanjang perkembangan bidang kesusasteraan bandingan, pergerakan karya sastra melintasi wilayah



geografi dan sosiobudaya sudah lama berlaku.

"Fenomena ini membuktikan bahawa karya sastra bukan hanya milik sesebuah bangsa atau negara, tetapi turut membentuk jaringan intelektual global yang saling mempengaruhi antara satu sama lain," katanya.

Hashim berkata, Johann Wolfgang von Goethe, tokoh pemikir Jerman, memperkenalkan konsep kesusasteraan dunia pada 1827 dengan penekanan pentingnya penterjemah sebagai jambatan untuk menyebarkan karya ke peringkat antarabangsa.

Beliau juga kata Hashim, melihat bahawa terjemahan karya ke Perancis dan England membuka ruang kepada pertukaran sastra dan memperkukuh interaksi antara budaya, bukan sekadar proses penerbitan atau penterjemahan.

Gerakan yang dicetuskan oleh Goethe dilihat sebagai usaha mem-

bentuk komuniti kesusasteraan dunia, iaitu minat terhadap karya asing mampu mempengaruhi perkembangan sastra antara negara.

Hashim berkata, Goethe juga menekankan bahawa kesusasteraan bandingan memberi impak positif yang besar melalui pertukaran idea, pembentukan pemikiran global dan pengayaan budaya.

"Pada Januari 1827, Goethe mengucapkan terima kasih kepada penterjemah karya sastra kerana mereka berperanan sebagai jambatan utama dalam pertukaran budaya dan intelektual antarabangsa.

"Beliau percaya bahawa peredaran antara negara melalui sastra dapat memperbaiki kelemahan karya setempat dan memperkayakan hasil karya melalui interaksi antara penulis dengan pemikir dari pelbagai negara," katanya.

Tambahnya, idea Goethe masih re-

Hashim menghurai 'Jati Diri Global Selatan dan Sastera Serantau' pada Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA XXVI 2025. (Foto ihsan DBP)

Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA XXVI 2025, anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) di DBP, baru-baru ini.



Johann Wolfgang von Goethe

levan hari ini, terutama dalam wacana Global Selatan, yang mencatat peningkatan signifikan dalam kajian kesusasteraan dunia antara 1994 hingga 2020. Fenomena ini menunjukkan bahawa pertukaran idea global, bukan sekadar terjemahan karya, memperkukuh hubungan budaya antara utara dan selatan dunia.

Hegemoni baharu

Dalam konteks Asia Tenggara katanya, kolonialisme dan pengaruh Barat menjadi topik utama dalam kajian kesusasteraan moden. Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa tradisi intelektual Islam di Alam Melayu sudah wujud sejak abad ke-11 dan menolak dominasi pemikiran Barat yang dikatakan memodenkan kesusasteraan Melayu tanpa mengambil kira asas Islam dan budaya tempatan.

Sementara, pemikiran kontemporari seperti Mohd Affandi Hassan turut menekankan kepentingan kesusasteraan berpaksikan ajaran Islam, serta menolak konsep psikologi Barat seperti Freud dan Lacan, sebaliknya mengutamakan perspektif psikologi Islam oleh Imam al-Ghazali.

"Imperialisme memberi kesan besar kepada pertembungan pemikiran dalam kesusasteraan bandingan.

"Proses ini menghasilkan interaksi antara komunikasi media dan budaya, serta menetapkan hegemoni baharu dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk kesusasteraan melalui sistem globalisasi," katanya.

Justeru mampu difahami, kesusasteraan bandingan tidak hanya menyorot karya sastra tetapi juga memaparkan pertukaran budaya, intelektual dan geopolitik di peringkat global.

Dari era Goethe hingga konsep Global Selatan, sastra terus menjadi jambatan memahami, mengkritik dan memperkayakan tradisi intelektual dunia.

